



---

KPKT/BPK/19/7/4 Klt.46 ( )  
Isnin, 1 Mac 2021  
UNTUK SIARAN SEGERA

**KENYATAAN MEDIA**  
**MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**SETAHUN MALAYSIA PRIHATIN**

---

Alhamdulillah, hari ini genap setahun kerajaan Perikatan Nasional di bawah kepimpinan Perdana Menteri, YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin menerajui negara.

Selepas terbentuknya kerajaan PN, kita berhadapan dengan krisis kesihatan awam apabila satu dunia diserang dan diancam dengan pandemik Covid-19.

Mengambil alih kerajaan dalam situasi negara berhadapan krisis kesihatan awam bukanlah perkara yang mudah kerana wabak ini memberi kesan besar kepada kehidupan seharian rakyat, kesihatan dan sektor ekonomi.

Sebagai pemimpin utama negara, YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin telah membuat keputusan-keputusan penting untuk membendung wabak ini daripada terus menular dalam masyarakat kita, ia bagi memastikan setiap rakyat yang dikasihi selamat dan terus sihat.

Alhamdulillah, selepas setahun, kita berjaya melandaikan lekuk jangkitan gelombang pertama, membendung gelombang kedua dan pada masa ini kes-kes harian dalam gelombang ketiga Covid-19 sedang menunjukkan trend penurunan.

Usaha kerajaan melaksanakan Program Imunisasi Covid-19 adalah ikhtiar dalam menjamin penjagaan serta perlindungan kesihatan awam, prihatin dan peduli terhadap kesejahteraan rakyat dalam masa yang sama memacu pemulihan ekonomi.

Dalam berhadapan wabak ini, di pihak kementerian pula, pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi meringankan beban rakyat dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) antaranya:

- a. Pengecualian pembayaran sewa kepada penghuni PPR di bawah pengurusan KPKT telah diberikan selama tujuh bulan mulai Mac hingga September 2020. Bantuan ini telah memberi manfaat kepada seramai 3,636 penyewa.
- b. Kelonggaran pembayaran turut diberikan menerusi Skim Pinjaman Perumahan (SPP) iaitu dari April hingga September 2020 yang memberi manfaat kepada 3,085 peminjam.
- c. Penangguhan pembayaran sewa selama 11 bulan (April 2020 - Mac 2021) untuk PPR di bawah pengurusan KPKT bagi skim *Rent-To-Own* (RTO) juga telah memberi manfaat kepada 4,649 penyewa.
- d. Program sanitasi serentak di seluruh negara. Secara keseluruhan, KPKT di bawah Taskforce Ops Sanitasi Awam / Nyah Cemar COVID-19 telah selesai menjalankan sebanyak 17,620 operasi sanitasi merangkumi 146 zon.

Usaha-usaha ini dilakukan bagi memulihkan kembali negara terutamanya dalam sektor ekonomi, sosial dan pembangunan komuniti secara keseluruhannya.

Kerajaan PN amat mengalu-alukan pandangan membina daripada rakyat Malaysia. Dalam mewujudkan negara yang lebih inklusif, setiap cadangan atau teguran rakyat perlu diambil peduli dalam merencana pembangunan masa hadapan negara.

Terima kasih buat rakyat yang sentiasa menyokong kerajaan. Saya mendoakan negara kita akan terus bebas dari wabak ini dan berharap agar Malaysia akan lebih maju, berdaya saing, aman dan makmur.

**YB DATUK HAJAH ZURAIDA KAMARUDDIN**  
**MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
**1 Mac 2021**

**-TAMAT-**